



KENYATAAN MEDIA BERSAMA

PELANCARAN WAKAF MEDIA

*Memperkasa Dakwah Digital dan Pembangunan Malaysia MADANI Melalui
Kerjasama Strategik YWM dan TV AlHijrah*

Kerajaan Malaysia MADANI hari ini terus memperkukuh peranan media sebagai wahana dakwah berimpak tinggi menerusi pelancaran Tabung Dana Wakaf Media atau Wakaf Media. **Wakaf Media adalah satu inisiatif strategik hasil kerjasama antara Yayasan Waqaf Malaysia (YWM) dan TV AlHijrah sebagai langkah memperkukuh ekosistem dakwah Islam yang mampan dan berdaya saing seiring arus era pendigitalan.**

Majlis pelancaran yang disempurnakan oleh YB Senator Dr. Zulkifli Hasan, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama), menandakan satu langkah proaktif dalam memastikan instrumen wakaf terus berevolusi mengikut keperluan zaman.

Dalam ucapannya, YB Senator menekankan bahawa dalam era pasca normal, kehidupan masa kini yang dipacu oleh pendigitalan dan media massa menuntut pendekatan dakwah yang lebih progresif, kreatif dan strategik. Media bukan lagi sekadar saluran hiburan dan penyampaian maklumat, sebaliknya menjadi instrumen penting dalam membentuk pemikiran, nilai dan akhlak masyarakat, khususnya generasi muda.

Selaras dengan seruan YAB Perdana Menteri, sistem kewangan Islam perlulah lebih dinamik, adaptif seterusnya berkembang sebagai elemen penyelesaian yang stabil dan lestari demi kesejahteraan ummah. Dalam konteks semasa, instrumen wakaf ini perlu diteroka secara lebih kreatif dan strategik agar terus relevan dengan cabaran zaman, termasuk dalam sektor media digital dan dakwah. Pelaksanaan Wakaf Media ini sejajar dengan aspirasi Malaysia MADANI, yang menekankan pembangunan bukan sahaja dari aspek ekonomi dan fizikal, tetapi turut merangkumi pembinaan jiwa, nilai dan kesejahteraan masyarakat secara menyeluruh.

Kerjasama strategik bersama TV AlHijrah, sebuah stesen penyiaran Islam yang diiktiraf menerusi penerimaan Anugerah Penyedia Kandungan Islam Terbaik 2024 diyakini mampu memastikan penyampaian mesej Islam yang sahih, sederhana dan berteraskan rahmah dapat diteruskan secara konsisten dan berwibawa.

YB Senator turut menyatakan harapan agar inisiatif ini akan terus memperkukuh kedudukan Malaysia sebagai peneraju wakaf kontemporari di peringkat dunia Islam melalui pengurusan yang sistematik, profesional dan patuh syariah sekali gus

menyumbang kepada pembangunan masyarakat Malaysia MADANI yang berilmu, berakhlak dan maju.

Di akhir ucapannya, YB Senator mengajak kepada semua untuk sama-sama menyokong dan menyumbang kepada Tabung Dana Wakaf Media ini sebagai jambatan dakwah dan lautan ilmu yang akan terus memberi manfaat jangka panjang kepada masyarakat.

Untuk makluman, setiap sumbangan wakaf di bawah Skim Wakaf Tunai Malaysia YWM adalah merupakan projek berkepentingan nasional, yang membolehkan setiap pewakafan tunai kepada YWM layak mendapat potongan cukai di bawah Seksyen 44 (11C) Akta Cukai Pendapatan 1967. Salurkan salurkan sumbangan wakaf ke akaun Yayasan Waqaf Malaysia dengan mengimbas QR Duitnow di bawah



-TAMAT-

Yayasan Waqaf Malaysia
14 Januari 2026

Maklumat Yayasan Waqaf Malaysia (YWM)

Yayasan Waqaf Malaysia (YWM) adalah sebuah entiti wakaf kebangsaan yang telah ditubuhkan pada 23 Julai 2008 dan didaftarkan di Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang, Jabatan Perdana Menteri di bawah Akta Pemegang Amanah (Pemerbadanan) 1952 [Akta 258]. Untuk mendapatkan maklumat terkini mengenai YWM dan berwakaf, sila layari www.ywm.gov.my

Untuk sebarang maklumat lanjut, sila hubungi:

Cik Haidatul Azia binti Husin
Pengurus Bahagian Pemasaran dan Korporat
Yayasan Waqaf Malaysia
019-3883395 | azia@ywm.gov.my

Puan Hani Mat Husain
Unit Komunikasi Korporat TV AlHijrah
019-5707880